

Pensyarah diiktiraf bangun idea pembelajaran luar darjah walau dilanda barah

► **BATRISYIA BAHARIM**
batrisyiaabb@sph.com.sg

Walaupun Dr Hanin Hussain disahkan menghidap barah paru-paru Ogos lalu, keadaan kesihatannya tidak menghalang karyawan berusia 56 tahun itu daripada berkebudai dan aktif di luar rumah.

Rasa cintanya yang mendalam terhadap alam semula jadi dan pendidikan awal kanak-kanak telah mendorong beliau untuk ‘beraksi’ di luar rumah – sejajar dengan kepercayaan tentang pentingnya pembelajaran di luar bilik darjah.

Apatah lagi, Dr Hanin merupakan salah seorang anggota utama Jawatankuasa Pembelajaran Luar (OL) berbilang disiplin yang dipengerusikan bersama oleh Institut Nasional Pembangunan Awal Kanak-Kanak (NIEC) dan Agensi Pembangunan Awal Kanak-Kanak (Ecda), dari 2018 hingga 2019.

Penglibatan selama setahun itu mencerminkan kepercayaan teguh beliau dalam kepentingan pembelajaran luar untuk pembelajaran, perkembangan dan kesejahteraan kanak-kanak.

Atas sumbangan dan kerja kerasnya, Dr Hanin menerima Anugerah ‘Rakan MSF’, anugerah yang disampaikan kepada individu, kumpulan sukarelawan atau pertubuhan yang telah memberikan sumbangan besar kepada jawatankuasa atau projek di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF) untuk tempoh sekurang-kurangnya dua tahun.

Beliau juga merupakan salah seorang daripada 298 sukarelawan dan rakan kongsi yang menerima anugerah semasa majlis Anugerah Sukarelawan dan Rakan Kongsi (MVPA) tahunan anjuran MSF pada 2 Februari.

Semasa majlis anugerah yang diadakan di Pusat Ekspo dan Persidangan Sands, Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga, Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad, turut mengumumkan 2024 sebagai Tahun Meraikan Sukarelawan Khidmat Sosial (YCVolunteers) untuk mengiktiraf dan meraikan sumbangan sukarelawan.

MVPA mengiktiraf semangat dan dedikasi rakan kongsi dan sukarelawan MSF, serta pertubuhan yang telah memberikan sumbangan besar ke-



Pensyarah kanan di Institut Pendidikan Nasional (NIE), Dr Hanin Hussain menerima Anugerah ‘Rakan MSF’ semasa majlis Anugerah Sukarelawan dan Rakan Kongsi (MVPA) tahunan anjuran Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF). – Foto TANGKAP LAYAR YOUTUBE

pada program atau matlamat kementerian tersebut.

Apabila dihubungi *Berita Minggu* (BM), Dr Hanin, pensyarah kanan di Institut Pendidikan Nasional (NIE) sejak 2021, berkata perjalanan beliau dalam sektor pendidikan bermula sebagai guru pendidikan jasmani di Sekolah Rendah Bedok South, dari 1994 hingga 1999.

Beliau kemudian menetap di Christchurch, New Zealand dan menjadi guru di dua pusat pendidikan awal kanak-kanak, dari 2002 hingga 2007, dan 2007 hingga 2008. Di sana, beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat Doktor Falsafah (PhD) sebelum menyandang peranan sebagai guru kanan di Universiti Canterbury sehingga 2013.

Dr Hanin aktif menyumbang kepada daya usaha utama Ecda sejak enam tahun lalu.

Bersandarkan perumpamaan melentur buluh

biar dari rebung, beliau percaya bahawa pembelajaran luar bilik darjah penting dalam pembangunan kanak-kanak kerana pendedahan pada usia muda dapat membantu mereka mengenali kepentingan persekitaran mereka.

Sungguhpun kini sedang pulih daripada pembedahan barah paru-paru, beliau terus menyumbang kepada sektor pendidikan awal kanak-kanak dan meningkatkan kesedaran tentang pembelajaran berteraskan pembelajaran di luar permainan.

“Sebagai seseorang yang mengharungi dan berusaha mengatasi barah paru-paru, saya juga mahu meningkatkan kesedaran tentang isu kesihatan seperti penyakit saya, dan juga tentang menopause melalui perbincangan antara kededua jantina secara terbuka,” tambah ibu seorang anak lelaki berusia 27 tahun.